

Parti dominan perlu demi kerajaan stabil

Kedudukan setara sukar capai keputusan jika masing-masing pertahan pendirian

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Mohd Amin Jalil
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Konsep parti dominan masih relevan dalam kerangka politik Malaysia, terutama bagi memenuhi formula pembentukan sebuah kerajaan yang stabil.

Penganalisis politik dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mohd Izani Mohd Zain, berkata konsep itu pernah disanggah oleh Pakatan Rakyat (PR) dan Pakatan Harapan (PH) serta cuba membawa konsep *equal partner* atau rakan setara.

"PR dan PH menolak konsep parti dominan tetapi masih gagal membawa kesepakatan dan kestabilan politiknya, bermakna tanpa konsep parti dominan pun kestabilan sukar dicapai."

"Semua parti ada kedudukan sama juga sukar untuk mencapai keputusan jika masing-masing mempertahankan pendirian sendiri."

"Konsep rakan setara ini se-nang disebut tetapi sukar dilaksanakan," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, yang antara lain menyatakan tiada mana-mana pihak boleh mendakwa parti mereka paling dominan dan lebih berhak memegang tampuk kuasa dengan memperkecilkan peranan parti lain.

Dalam apa juga kerjasama, tegas Izani, perlu ada parti yang bertindak sebagai ketua walaupun tidak dinyatakan secara jelas.

"Dalam Perikatan Nasional (PN) sendiri pun, kita lihat BERSATU adalah parti dominan dan menjadi ketua, bukannya PAS," katanya.

Penganalisis politik dari Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Dr Sivamurugan Pandian, berkata tiada parti dilihat dominan dalam politik semasa.

"Perpecahan kepada kumpulan kecil menyebabkan sukar menjadi dominan."

"Ini mungkin disebabkan oleh kesetiaan yang terhakis terhadap fahaman politik dan lebih menjurus kepada sokongan berteraskan isu semasa tanpa menganggotai parti."

"Jika menyertai parti sekali pun, tidak bermakna kesetiaan kepada parti bersifat kekal. Barangkali pasca Pilihan Raya Umum (PRU) ke-15, parti yang mendapat kerusi paling banyak akan cuba menjadi dominan namun dalam politik semasa, rakan strategik politik mahukan kuasa saksama," katanya.

Di Seremban, Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Dr Rais Yatim, berkata negara memerlukan

gagasan kuat untuk maju, maka apa yang mampu meneguhkan perjuangan itu adalah baik untuk rakyat.

"Usaha membangunkan gabungan besar parti politik amat baik dan tepat pada masanya."

"Setiap pemimpin politik harus ada perasaan sayang kepada negara dan menjelaskan idea untuk menyatukan rakyat pelbagai kaum."

"BERSATU ada sayap bukan Bumiputera dan begitu juga PAS ada sayap bukan Islam. Maka, MIC dan MCA tidak perlu bimbang kerana ia suatu bentuk gagasan besar," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia (PPKM) Cawangan Seremban, di sini, semalam.

Rais meminta pemimpin yang berdepan kes undang-undang dan perbicaraan di mahkamah tidak mencampur-aduk perkara itu dengan perjuangan politik.

"Apa yang dihadapi di mahkamah, jawab di mahkamah. Hadapi kes di mahkamah dan selesaikan dahulu, politik biar berjalan atas landasan untuk kesejahteraan rakyat."

"Jika ada pelbagai syarat dikenakan, ini tidak adil kepada sistem kita," katanya.

Ditanya mengenai harapan untuk melihat UMNO bekerjasama dengan BERSATU pula, beliau berkata, perkara itu terpulang kepada Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

“PR dan PH tolak konsep parti dominan tetapi gagal bawa kesepakatan. Bermakna tanpa konsep parti dominan pun kestabilan sukar dicapai”



Mohd Izani Mohd Zain,
Penganalisis politik
dari Universiti
Putra Malaysia
(UPM)

“Ini mungkin disebabkan kesetiaan yang terhakis terhadap fahaman politik dan lebih menjurus kepada sokongan berteraskan isu semasa tanpa menganggotai parti”



Sivamurugan Pandian,
Penganalisis politik dari
Universiti Sains Malaysia

“Saya fikir Perdana Menteri bersifat ‘kecil tapak tangan, nyiru beliau tадahkan’. Kerajaan Sarawak juga memberi sokongan kepada PN, apa salah kalau ini (PN) diberikan dakapan baharu,” katanya.